

Lelaki disyaki ugut penguat kuasa DBKL bebas dengan jaminan polis

Kuala Lumpur: Lelaki yang ditahan kerana dipercayai membuat ugutan jenayah terhadap anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di media sosial, dibebaskan dengan jaminan polis, semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, lelaki berusia 57 tahun itu direman dua hari bagi membantu siasatan.

Katanya, suspek dibebaskan dengan jaminan polis selepas tempoh reman terhadapnya tamat, semalam.

Terdahulu, media melaporkan, lelaki itu yang ditahan Bahagian Siasatan

Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, direman dua hari bermula kelmarin.

Sebelum ini, Rusdi dilaporkan berkata, penahanan dibuat susulan laporan yang diterima daripada pegawai penguat kuasa DBKL, jam 1.07 tengah hari.

“Laporan itu mengenai tangkap layar perbualan kumpulan aplikasi WhatsApp mengenai ancaman dan hasutan kepada penguat kua-

sa DBKL.

“Pengadu menyatakan, tangkap layar itu adalah ancaman, hasutan dan berbau ugutan dengan niat terhadap penguat kuasa DBKL sebagai penjawat awam

yang menguatkuasakan undang-undang,” katanya.

Rusdi dipetik berkata, siasatan yang dijalankan mengikut

Seksyen 506 dan 505 (b) Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

“
Tangkap layar itu adalah ancaman, hasutan dan berbau ugutan dengan niat terhadap penguat kuasa DBKL

Rusdi